## 1.0 PENGENALAN

Unit Pemulihan Carakerja Hospital Sungai Siput terletak di Bangunan Rehabilitasi bersebelahan Dewan CME Hospital Sungai Siput. Ianya juga berkongsi ruang dengan Unit Pemulihan Anggota (Fisioterapi).

Unit ini mula beroperasi pada 16hb April 2009. Anggaran belanjawan mengurus untuk menempatkan Jurupulih Perubatan Carakerja U29 di Hospital Sungai Siput diluluskan pada 5hb Ogos 2008. Kekosongan perjawatan Jurupulih Perubatan Carakerja U29 telah diisi pada 16hb Mac 2009.



## 2.0 VISI, MISI & OBJEKTIF

### 2.1 VISI

Menyediakan Perkhidmatan Pemulihan Carakerja yang bersistematik, bertaraf antarabangsa dan mudah diperolehi di setiap peringkat sistem penjagaan kesihatan dalam meningkatkan kualiti kehidupan pelanggan.

### 2.2 MISI

Perkhidmatan ini diberikan oleh warga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran dan mengamalkan nilai-nilai murni berdasarkan *evidence based practice.*

### 2.3 OBJEKTIF

a. Untuk memastikan pelanggan dapat Perkhidmatan Pemulihan Carakerja yang selamat, tepat dan berkesan.
b. Untuk menyediakan satu garis panduan bagi menyediakan Perkhidmatan Pemulihan Carakerja pada tahap optimum melalui kerjasama Ahli Kumpulan Perawatan *multidisciplinary team* – MDT kearah penjagaan pesakit secara menyeluruh.
c. Untuk memastikan Jurupulih Carakerja sentiasa kompeten dari segi pengetahuan dan kemahiran dengan mengikuti program pembelajaran berterusan.

## 3.0 CARTA ORGANISASI UNIT

**PENGARAH**

DR. ASRUL SANI BIN SHAMSUDDIN

↓

**JURUPULIH PERUBATAN CARAKERJA**

KAVITHA A/P GOGARAJAH
(Ketua Unit)

↓

**JURUPULIH PERUBATAN CARAKERJA**

NUR ‘AIN BT JAMALUDIN

↓

**PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN**

THELAGAWATHI A/P SAMIKKANU

# 4.0 PERJAWATAN

## 4.1 SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN

| JAWATAN | PERJAWATAN | ISI | KOSONG |
|---|---|---|---|
| Jurupulih Perubatan (Carakerja) U5/ U6 | 2 | 2 | 0 |
| Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) U1 (KUP) | 1 | 1 | 0 |

## 5.0 SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan utama Unit Pemulihan Carakerja:

- Menjalankan penilaian kefungsian fizikal, mental dan sosial.
- Merancang rawatan pemulihan bernilai terapeutik.
- Menjalankan intervensi:
  - (a) Kepada pesakit yang terdiri daripada kanak-kanak, dewasa dan warga emas.
  - (b) Skop perkhidmatan ini melibatkan aspek promotif, preventif dan rehabilitatif.

Perkhidmatan rawatan pemulihan umum yang dijalankan adalah seperti:

- Pemulihan disfungsi fizikal
- Pemulihan kes kanak-kanak
- Pemulihan kes ortopedik
- Pemulihan kes perubatan dan pembedahan
- Pemulihan psikiatri
- Pemulihan geriatric

Tujuan utama Perkhidmatan Pemulihan Carakerja adalah merupakan salah satu perkhidmatan rawatan pemulihan dengan menggunakan aktiviti terapeutik bagi membantu pesakit yang mengalami masalah ketidakupayaan fizikal, psikologikal dan sosial supaya dapat kembali berdikari ke tahap optima dalam *Activity Daily Living*, *Work* dan *Leisure.*

Skop perkhidmatan rawatan yang dijalankan:

| BIL | MODALITI RAWATAN |
|---|---|
| 1. | *Activities of Daily Living Assessment and Training* |
| 2. | *Motor and Functional Assessment and Training* |
| 3. | *Cognitive and Perceptual Assessment and Training* |
| 4. | *Pre-School Assessment and Training* |
| 5. | *Wheelchair Assessment and Training* |
| 6. | *Driving Assessment & Training* |
| 7. | *Work and Vocational Assessment and Training* |
| 8. | *Home/Work Place/School Assessment* |
| 9. | *Developmental Assessment and Training* |
| 10. | *Behaviour Management* |
| 11. | *Aids and Adaptation* |
| 12. | *Compression Therapy* |
| 13. | *Creative Therapy* |
| 14. | *Social Skill Assessment and Training* |
| 15. | *Patient' and Careers' Education* |
| 16. | *Play and Leisure (Exploration & Training)* |
| 17. | *Relaxation Therapy* |
| 18. | *Sensory Assessment and Training* |
| 19. | *Splint and Orthotics* |
| 20. | Lain-lain (Rawatan terkini) |

## 6.0 PIAGAM PELANGGAN

### 6.1 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

**KAJIAN PIAGAM PELANGGAN**
**UNIT PEMULIHAN CARAKERJA**
**HOSPITAL SUNGAI SIPUT**
**(JAN – JUN 2024)**



**KAJIAN PIAGAM PELANGGAN**
**UNIT PEMULIHAN CARAKERJA**
**HOSPITAL SUNGAI SIPUT**
**(JUL – DIS 2024)**



A. 95% pesakit luar yang baru dirujuk akan diberi temujanji rawatan dalam masa 3 hari dari tarikh rujukan.

B. 95% pesakit dalam (wad) yang di rujuk akan dilihat dalam masa 24 jam waktu bekerja.

C. Kami memberi layanan perkhidmatan yang mesra, cepat dan prihatin kepada setiap pelanggan dan memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang diperlukan kepada pelanggan dan waris terdekat.

D. Kami merahsiakan maklumat peribadi dan perubatan dari pengetahuan umum. Segala maklumat mengenai penyakit dan rawatannya akan dirahsiakan dan hanya boleh diberitahu kepada pihak tertentu dengan keizinannya tertakluk kepada undang-undang.

E. Kami menilai dengan terperinci sebelum memulakan rawatan dan merekod perkembangan kemajuan pelanggan dari masa ke semasa serta melaporkan kepada pegawai perubatan yang berkenaan.

F. Setiap pesakit akan diberi rawatan selama 20 minit hingga 1 jam.

G. Kemudahan dan persekitaran yang bersih, selesa dan selamat disediakan.

## 7.0 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

### 7.1 KURSUS

| BIL | NAMA STAF | BILANGAN KURSUS | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Kavitha A/P Gogarajah (JPCK U6(TBK 1) | 17 hari | Menghadiri kursus dalaman dan luaran sebanyak 17 hari. |
| 2 | Nur’ Ain bt Jamaludin (JPCK U6 (TBK 1) | 13 hari | Menghadiri kursus dalaman dan luaran sebanyak 13 hari. |
| 3 | Thelagawathi A/P Samikkanu (PPK U1 (KUP) | 9 hari | Menghadiri kursus dalaman dan luaran sebanyak 9 hari. |

**7.2 MyCPD**

| BIL | NAMA STAF | CUMULATIVE POINT | ACTUAL POINT | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | A | B |
| 1 | Kavitha A/P Gogarajah | 145 | 68 | √ | |
| 2 | Nur' Ain bt Jamaludin | 98 | 54 | √ | |

## 8.0 AKTIVITI TAHUN 2024

8.1 MENGANJURKAN PERHIMPUNAN BULANAN BAGI BULAN OKTOBER 2024.

8.2 MEMBERI CERAMAH DALAM KURSUS PAIN BAGI PERANAN PEMULIHAN CARA KERJA.

8.3 MENGANJURKAN JAMUAN RAYA BERSAMA UNIT HEMODIALISIS DAN UNIT FISIOTERAPI.

8.4 MENGADAKAN MESYUARAT UNIT PEMULIHAN CARA KERJA BAGI SETIAP 3 BULAN.

8.5 MENYERTAI KEJOHANAN TENPIN BOWLING HAPPY HOUR ANJURAN KELAB SUKAN DAN REKREASI.

8.6 MENGANJURKAN KURSUS DEPRESSION……HOW TO HANDLE? DALAM BULAN OGOS 2024.

8.7 MENYERTAI WHITE WATER RAFTING (WWR), ANJURAN MOTA DALAM JULAI 2024.

8.8 AJK SAMBUTAN DEEPAVALI DAN KRISMAS DALAM DISEMBER 2024.

## 9.0 PENCAPAIAN TAHUN 2024

*9.1 KPI*

| BIL | PERKARA | TERCAPAI/ TIDAK TERCAPAI | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | **KPI 1**<br>➢ *(a) Measurement of improvement atleast one level of dependency in MBI within 3 months.* | Tercapai | (a) 10 orang pesakit telah menunjukkan peningkatan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | satu tahap keberdikarian dalam ADL bagi tempoh 3 bulan. |
| 2 | **KPI II**<br>➢ *Time responded within (24 hours) by Occupational Therapist to in-patient referral.* | Tercapai | Seramai 65 orang pesakit yang dirujuk telah direspon dalam tempoh masa 24 jam waktu bekerja. |
| 3 | **KPI III**<br>➢ *Time responded within 3 working day by Occupational Therapist to out-patient referral* | Tercapai | Seramai 226 orang pesakit yang dirujuk telah direspon dalam tempoh masa 3 hari waktu bekerja. |
| 4 | **KPI HAND AND UPPER LIMB INJURY**<br>➢ *Rate of improvement in hand prehension pattern for hand and upper limb injury after 3 months of prevention.* | Tercapai | 3 orang pesakit telah menunjukkan pencapaian setelah 3 bulan menjalani rawatan. |

## 10.0 BEBAN KERJA DAN STATISTIK (TAHUN 2022-2024)


Graf Jumlah Kedatangan Pesakit dan Jumlah Perawatan Tahun 2022-2024 ke Unit Pemulihan Carakerja, HSS
5000
4000
3000
2000
1000
0
984
3601
1064
3854
1259
4420
2022
2023
2024
Jumlah Pesakit
Jumlah modaliti rawatan

## 11.0 PELAN TINDAKAN UNIT TAHUN 2024

| Bil | Aktiviti/Strategi | Kumpulan Sasaran | Indikator | Sasaran Pencapaian | Pihak Tanggungjawab | Tempoh Perlaksanaan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **STRATEGI : Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Unit Pemulihan Carakerja** | | | | | |
| 1.1 | Memastikan ≥95% **pesakit dalam** yang dirujuk akan dilihat dalam tempoh masa 24 jam dalam waktu bekerja. | Semua pelanggan dalaman | ✓ Jumlah pesakit dalaman yang menerima rawatan dalam masa 24 jam | ≥95% | Jurupulih Perubatan Carakerja | Berterusan |
| 1.2 | Memastikan ≥95% **pesakit luar** yang dirujuk akan dilihat dalam tempoh 3 hari dalam waktu bekerja. | Semua pelanggan luaran | ✓ Jumlah pesakit luar yang dilihat dalam tempoh 3 hari waktu bekerja. | ≥95% | Jurupulih Perubatan Carakerja | Berterusan |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2. | **Pengurusan Kualiti** | | | | | |
| 2.1 | Kajian Piagam Pelanggan | Pelanggan luaran | ✓ Bilangan edaran senarai semak kajian.<br>✓ Semua pelanggan berpuas hati. | ✓ 2 kali setahun<br>✓ 95% | Ketua Unit Carakerja | Berterusan |

## 12.0 KESIMPULAN

Pencapaian Sepanjang Tahun 2024:

- Pencapaian 100% bagi Objektif Kualiti iaitu 95% pesakit baru rujukan dari wad akan diberi rawatan dalam masa 24 jam waktu bekerja.
- Menjalankan Kajian Piagam Pelanggan sebanyak 2 kali setahun dan disiapkan mengikut arahan yang diberikan.
- Terdapat peningkatan dalam bilangan pesakit dan bilangan modaliti rawatan dari tahun sebelumnya.

Cadangan Tahun 2025:

- Mengadakan CME online *Occupational Therapy Intervention In Stroke Rehabilitation.*
- Mengadakan kursus *Learning Disability*.
- Menyiapkan laporan QA.
- Mendapatkan lebih ramai pesakit CVA untuk meningkatkan pesakit KPI 1.

**Disediakan oleh:**

----------------------------

Kavitha A/P Gogarajah,
Jurupulih Perubatan Carakerja U32(TBK),
Unit Pemulihan Carakerja
Hospital Sungai Siput.













